

Perkembangan Islamisasi di Turki Era Erdoğan (2002-2010): Pendekatan, Usaha dan Cabaran

The Development of Islamization in Turkey During Erdoğan Era (2002-2010): Approaches, Efforts and Challenges

MUHAMMAD KHALIS IBRAHIM DAN MOHD ROSLAN MOHD NOR

ABSTRAK

Tekanan yang dikenakan ke atas gerakan-gerakan Islam di Turki menyebabkan munculnya Recep Tayyip Erdoğan bersama inovasi baru gerakan politik Islam melalui wadah AKP. Kajian ini membincangkan mengenai perkembangan islamisasi di Turki pada era Erdoğan bagi fasa 2002-2010 dengan memfokuskan kepada pendekatan yang diambil, usaha-usaha yang telah dijalankan serta cabaran yang terpaksa dihadapi. Keseluruhan kajian ini menggunakan metode penyelidikan perpustakaan dan metode pensejarahan melalui pendekatan analisis kandungan terhadap bahan-bahan yang berkaitan. Kajian mendapati, Erdoğan menjadikan konservatif-pendemokrasian sebagai pendekatan utama AKP dalam melakukan usaha islamisasi. Bagi fasa 2002-2010, usaha islamisasi Erdoğan dan AKP tertumpu kepada cubaan memansuhkan larangan bertudung, memperkasakan pendidikan yang berasaskan Islam, mempertingkatkan kualiti institusi agama serta mengawal penjualan arak secara berleluasa. Dalam menjalankan usaha islamisasi, Erdoğan terpaksa menghadapi tentangan dari pihak tentera selaku pemelihara sekularisme. Cabaran getir dari pendokong sekularisme mendesak Erdoğan untuk berkompromi dalam menjalankan usaha islamisasi. Kajian ini turut menghujahkan AKP sebagai sebuah entiti yang berada di atas jalur gerakan politik Islam dengan ruang wacananya yang tersendiri. Perkembangan sejarah serta realiti sosial Turki menjadikan AKP sebagai sebuah entiti gerakan politik Islam yang unik dan relevan dengan konteks negara Turki.

Kata kunci: Islamisasi di Turki; Erdoğan; AKP; konservatif-pendemokrasian; gerakan politik Islam

ABSTRACT

The suppression towards Islamic movements in Turkey contributed to the emergence of Recep Tayyip Erdoğan with the innovation of Islamic political movement through AKP. This study discusses on the development of Islamization in Turkey during Erdoğan era between years 2002-2010 by focusing on some selected approaches, efforts that have been made and encountered challenges. This study was conducted by library research method and historiographical method through content analysis approach towards related sources. This study found that Erdoğan chose conservative-democratization as the main approach in doing Islamization process. For the 2002-2010 phase, Erdoğan and AKP Islamization efforts were focused on lifting headscarf ban, empowered Islamic-based educations, boosted the quality of religious institution as well as controlled the widely sale of alcoholic beverages. In doing Islamization process, Erdoğan had to face resistance from the military as a guardian of secularism. The stiff challenges from pro-secular camp made Erdoğan to compromise in doing Islamization process. This study also argued that AKP as an Islamic political movement entity with its own discourse. Historical development and social reality in Turkey made AKP as a unique and relevant Islamic political movement entity for Turkish context.

Keywords: Islamization in Turkey; Erdoğan; AKP; conservative-democratization; Islamic political movement

PENGENALAN

Khilafah Uthmaniyyah mengalami fasa kemerosotan pada penghujung abad ke-19 yang akhirnya menyumbang kepada kejatuhannya pada awal abad ke-20. Kejatuhan Khilafah Uthmaniyyah menjadi titik permulaan bagi fasa baru pembinaan negara Turki moden. Dalam proses pembinaan tersebut, Mustafa Kemal Atatürk (1923-1938) (selepas ini dirujuk sebagai “Atatürk”) mengambil pendekatan berasaskan sekularisasi dan pembaratan, di mana unsur-unsur yang melambangkan warisan Uthmaniyyah serta Islam cuba dipinggirkan dalam proses tersebut (Muhammad Khalis & Mohd Roslan 2017). Pendekatan sekularisasi Atatürk diinspirasi dari sekularisme radikal ala-Perancis dengan mensasarkan pemisahan agama dari urusan kehidupan rakyat bagi mewujudkan masyarakat Turki yang sekular secara keseluruhannya (Çelebi 2011). Selain itu, pendekatan pembaratan dijalankan dengan menjadikan Barat sebagai model bagi keperluan pemodenan Turki. Misalnya, kerangka idea Barat yang berasaskan pendekatan rasional serta meminggirkan peranan wahyu telah dijadikan model ikutan bagi sukatan pendidikan di semua peringkat (Mohammad Redzuan & Mashitah 2015).

Pelaksanaan dasar sekularisasi dan pembaratan secara ketat oleh rejim Kemalis telah menyebabkan wujudnya kumpulan atau gerakan berorientasikan Islam yang memperjuangkan supaya kebebasan bagi mengamalkan tuntutan agama dikembalikan semula kepada rakyat Turki. Perjuangan tersebut dirintis oleh Sa’id Nursi (1923-1960) serta gerakannya *Nurcu* dan diikuti Najmuddin Erbakan (1969-2011) (selepas ini dirujuk sebagai “Erbakan”) yang menggagaskan gerakan *Milli Görüş*. Namun, gerakan-gerakan tersebut terpaksa menghadapi cabaran yang getir dari elit sekular khususnya angkatan tentera Turki yang akhirnya menyebabkan sebahagiannya telah dilenyapkan dari peta perjuangan islamisasi di Turki (Yavuz 2003).

Pengharaman parti-parti tajaan *Milli Görüş* iaitu *Refah Partisi* (RP) dan *Fazilet Partisi* (FP) telah menjejaskan kesepaduan di kalangan aktivis gerakan politik Islam. Cabaran getir yang terpaksa dihadapi menyebabkan wujudnya perselisihan pendapat mengenai pendekatan yang terbaik bagi memastikan kesinambungan perjuangan politik berteraskan Islam. “Kaum tua” atau kelompok veteran dalam FP berpendapat, cabaran yang dihadapi dari kelompok sekular Turki merupakan lumrah dalam perjuangan memartabatkan Islam. Idea tersebut disanggah oleh “kaum muda” atau

kelompok reformis yang berpandangan, strategi dan pendekatan baru perlu diambil bagi memastikan keberlangsungan politik Islam untuk jangka masa panjang (Mohammad Redzuan & Mashitah 2015). Pengharaman FP menatijahkan perpecahan di kalangan aktivis *Milli Görüş*, di mana kelompok konservatif pimpinan Recai Kutan yang menyokong kuat gagasan Erbakan menubuhkan *Saadet Partisi* (SP), manakala kelompok reformis yang dipimpin oleh Recep Tayyip Erdoğan (lahir 1954) (selepas ini dirujuk sebagai “Erdoğan”) dan Abdullah Gül (lahir 1949) menubuhkan *Adalet ve Kalkınma Partisi* (AKP).

Makalah ini akan membincangkan mengenai perkembangan islamisasi di Turki pada era Erdoğan bagi tempoh 2002-2010. Ia dimulai dengan perbincangan mengenai kerangka konseptual gerakan politik Islam di Turki dengan menilai AKP dari perspektif sebuah entiti gerakan politik Islam serta pendekatan yang diambil. Seterusnya, makalah ini memfokuskan kepada beberapa usaha islamisasi di Turki yang dilaksanakan pada era Erdoğan bagi tempoh 2002-2010. Makalah ini turut membincangkan mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Erdoğan dan AKP dalam melaksanakan usaha islamisasi. Keseluruhan kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi metode penyelidikan perpustakaan dan pensejarahan. Seterusnya, metode analisis kandungan (*content analysis*) dijalankan ke atas bahan-bahan yang berkaitan.

KERANGKA KONSEPTUAL GERAKAN POLITIK ISLAM DI TURKI

LATAR BELAKANG GERAKAN POLITIK ISLAM DI TURKI

Terdapat ramai sarjana yang telah membincangkan mengenai perihal gerakan Islam, di mana sebahagian sarjana mengkonsepsikan gerakan Islam secara skeptikal dan prejudis. Delibas (2009) misalnya telah memetik beberapa pendapat sarjana lain yang merumuskan gerakan Islam sebagai entiti anti-pemodenan, anti-Barat, kelompok terkebalakang serta terasing dari arus semasa. Shukrallah (1994) pula menghubungkan gerakan Islam secara antagonistik dengan arus pemodenan sepertimana gerakan fundamentalis Kristian di Barat. Jika diteliti, perspektif-perspektif di atas merupakan refleksi daripada tesis yang dicetuskan lebih awal oleh Lewis (1990) dan Huntington (1993) dalam membentuk

naratif “fundamentalisme Islam”. Kedua-dua sarjana tersebut antaranya menggolongkan perkumpulan atau pergerakan yang mempunyai komitmen terhadap Islam sebagai kelompok fundamentalis yang memberi ancaman kepada Barat dalam konteks politik, ketamadunan dan demografik.

Dalam membincangkan mengenai asas-usul gerakan Islam, Maszlee (2016) menghujahkan bahawa gerakan Islam abad moden merupakan kesinambungan kepada Khilafah Uthmaniyyah yang telah terubuh, di mana perjuangannya pada peringkat awal menjurus kepada penegakkan semula khilafah, menentang penjajah yang secara umumnya terdiri dari negara-negara Barat serta menuntut kemerdekaan tanah air. Pada fasa ini juga, penentangan gerakan Islam terhadap kuasa kolonial bukan sahaja disebabkan oleh penjajahan wilayah yang dilakukan, akan tetapi turut melibatkan kritikan terhadap pengaruh pemodenan acuan Barat yang bercirikan rasional, empirikal dan sekular semata-mata ke atas dunia Islam.

Selepas merdeka dari penjajah, orientasi perjuangan gerakan Islam tertumpu pula kepada golongan nasionalis sekular yang mewarisi kuasa kolonial di samping aktif dengan kerja-kerja kebajikan dan kesukarelawanan (Maszlee 2016). Namun, tekanan telah dikenakan oleh pemerintah nasionalis sekular ke atas gerakan-gerakan Islam. Hal ini menyebabkan gerakan-gerakan Islam memberi respon yang pelbagai terhadap tekanan-tekanan tersebut. Mohammed Ayoob (2008) menghuraikan bahawa suasana setempat, termasuklah tekanan dari rejim pemerintah menyebabkan gerakan-gerakan Islam mengadaptasi pendekatan yang berbeza di kalangan mereka, lantas menjadikan gerakan-gerakan Islam hadir sebagai entiti pelbagai wajah. Menurut beliau, subjek mengenai gerakan Islam itu sendiri tidak sewajarnya digeneralisasikan khususnya di bawah label radikalisme dan fundamentalisme semata-mata, akan tetapi perlu dibuat penelitian yang rapi terhadap gerakan-gerakan tersebut memandangkan setiap gerakan Islam mempunyai kelainan dan ciri-cirinya yang tersendiri, termasuklah bagi konteks gerakan Islam di Turki. Hal ini telah dihuraikan lebih awal antaranya oleh Esposito (1999) bahawa penelitian terhadap perkumpulan Islam perlu dilakukan secara lebih berobjektif, sekaligus mengkritik naratif fundamentalisme Islam yang dicetuskan Lewis (1990) dan Huntington (1993).

Mohammed Ayoob (2008) turut menjelaskan bahawa gerakan Islam yang berada di dalam arus perdana secara umumnya merupakan gerakan

Islam yang terlibat dengan politik secara langsung. Sepertimana yang dihuraikan oleh Mortensen (2016), persoalan politik merupakan persoalan yang sentiasa berlegar di keliling manusia, sekaligus memberikan pengaruh yang besar dalam segenap urusan kehidupan. Hal ini menjadikan gerakan-gerakan Islam yang bercorak politik sentiasa berada di dalam arus perdana memandangkan keterlibatan mereka secara langsung di dalam politik selaku ejen yang banyak mempengaruhi urusan kehidupan manusia. Maka, isolasi atau pengasingan gerakan Islam yang terlibat di dalam politik daripada domain gerakan Islam secara umum perlu dibuat bagi membolehkan perbincangan dilakukan secara lebih khusus. Di dalam makalah ini, penulis menggunakan istilah “gerakan politik Islam” bagi membezakan gerakan Islam yang bercorak politik dengan gerakan-gerakan Islam lain yang berorientasikan gerakan sosial (contohnya, gerakan Nurcu dan Hizmet di Turki), gerakan militan transnasional (al-Qāeda dan Islamic State of Iraq and Levant-ISIL) serta gerakan dakwah tradisional (Jamā’at Tablīgh di India).

Gerakan politik Islam secara umumnya merujuk kepada pergerakan atau entiti yang berpegang kepada idea “politik Islam”. Politik Islam dihuraikan oleh Muhamad Razak (2016) sebagai: “...gerakan idea yang bersifat massa, berkembang bagi mempromosikan sebuah tasawwur berfikir baru tentang tatacara, etika dan nilai kehidupan masyarakat dan negara yang dinamik dan sistematik sejajar dengan tuntutan ajaran agama Islam yang luhur dan sejagat”. Fuller (2003) mensinonimkan politik Islam dengan “Islamisme” dan menghuraikannya sebagai fenomena yang tidak bersifat eksotik dan terasing, akan tetapi mempunyai hubungan dengan isu-isu politik, sosial, ekonomi dan moral kontemporari. Manakala Denooux (2002) pula menghujahkan gerakan politik Islam sebagai entiti yang memberikan penyelesaian secara politik terhadap permasalahan-permasalahan masyarakat hari ini. Walaupun secara umumnya gerakan politik Islam banyak merujuk kepada khazanah tradisi Islam dari sudut asas teori, namun ia tidak bermaksud gerakan politik Islam bercita-cita untuk membina semula tamadun Islam yang klasik dan silam dari sudut praktik, akan tetapi meletakkan matlamat membina tamadun Islam kontemporari, baru dan sesuai dengan konteks semasa (Mohammed Ayoob 2008).

Dalam konteks negara Turki, latar belakang sejarah dan budaya masyarakatnya mempunyai keunikan yang tersendiri. Sebagaimana yang

dihuraikan oleh Ahmad Dzakirin (2012), elemen-elemen yang mewarnai masyarakat Muslim Turki seperti tarekat sufisme dan mazhab Hanafi mempengaruhi pendekatan beragama masyarakat sehingga mereka cenderung terhadap sikap inklusif dan toleransi, termasuk dalam tubuh gerakan politik Islam itu sendiri. Ahmad Dzakirin (2012) turut menjelaskan, elemen sufisme yang mewarnai tradisi masyarakat Turki mengalami proses evolusi bagi merespon cabaran sekularisasi dan pembaratan. Proses evolusi tersebut telah melahirkan masyarakat Turki yang bersabar dalam menghadapi cabaran dengan mengalihkan tumpuan kesabaran tersebut terhadap aktiviti-aktiviti kebajikan dan kemanusiaan. Sikap sedemikian menjadikan perkumpulan Islam di Turki, termasuklah gerakan politik Islam lebih cenderung kepada pendekatan rasional dan tidak berkonfrontasi dengan elit sekular secara langsung sepertimana yang berlaku di beberapa buah negara yang lain.

Selain itu, kekangan perundangan yang melarang sebarang organisasi atau parti politik untuk menggunakan Islam sebagai identifikasi pertubuhan, identiti sekular negara Turki serta keberadaan elit pemelihara sekularisme turut mempengaruhi corak gerakan politik Islam di Turki. Senario ini menjadikan gerakan politik Islam di negara tersebut tidak menzahirkan jenama Islam pada batang tubuh mahupun ideologi organisasi, akan tetapi lebih menerapkan nilai-nilai Islam secara praktikal berasaskan konsep “*ahlak ve fazilet*” (akhlak dan kebaikan). Kerana itu, parti-parti politik Islam di Turki menggunakan nilai-nilai keislaman seperti “selamet” (keselamatan atau kesejahteraan), “refah” (kebajikan), “fazilet” (kebaikan), “saadet” (kebahagiaan), “adalet” (keadilan) dan “kalkınma” (pembangunan) bagi mengidentitikan parti-parti mereka. (Yavuz 2003). Nilai-nilai ini ditekankan melalui pendekatan berasaskan “*hizmet*” (perkhidmatan) berbanding wacana ideologikal yang turut menjadi pendekatan utama AKP pimpinan Erdoğan.

INOVASI AKP DAN PENDEKATAN KONSERVATIF-PENDEMOKRASIAN

Dari sudut sejarahnya, AKP merupakan serpihan dari induknya iaitu *Milli Görüş*. Walaubagaimanapun, strategi dan pendekatan yang diambil oleh AKP adalah berbeza dengan parti-parti Islam sebelumnya. Erdoğan lebih memilih untuk menjenamakan AKP sebagai sebuah parti konservatif demokrat yang

menjunjung nilai-nilai demokrasi berbanding sebagai sebuah parti yang berasaskan agama (Sambur 2009). Erdoğan cuba mengkaburkan agenda islamisasi secara zahir pada batang tubuh AKP dan memberi keutamaan kepada aspek penswastaaan, reformasi sistem dan integrasi Turki bersama Kesatuan Eropah (*European Union-EU*) (Rabasa & Larrabee 2008).

Sebagai sebuah parti yang mewakili premis konservatif demokrat, AKP berusaha mewujudkan Turki yang demokratik serta mengharmonikan nilai-nilai konservatif seperti aspek moral, identiti nasional dan sejarah dengan elemen demokrasi, pasaran bebas, pluralisme, kedaulatan undang-undang dan hak asasi (Sambur 2009). Erdoğan menyedari asas-asas yang membentuk negara dan bangsa Turki seperti budaya dan identiti keagamaan adalah penting untuk terus dipelihara walaupun pada masa yang sama beliau mengemudi AKP bagi menganjukkan Turki menjadi sebuah negara yang lebih liberal, progresif dan demokratik (Yıldız 2010).

Walaupun Erdoğan berpandangan adalah penting bagi memelihara budaya dan tradisi keagamaan bangsa Turki, namun ini tidak bermaksud beliau menolak keberadaan sekularisme sebagai identiti negara Turki. Berbeza dengan parti-parti berorientasikan Islam sebelumnya yang melihat sekularisme sebagai ancaman, Erdoğan pula memilih untuk mengiktiraf sekularisme dan beriltizam untuk berpegang kepada nilai-nilai sekularisme Turki. Menurut Sambur (2009), Erdoğan menerima kewujudan masyarakat yang beriman, namun menolak pengeksploitasian agama dalam urusan politik dan kenegaraan. Malah, Erdoğan berpandangan sekularisme merupakan aspek penting untuk mencapai pentadbiran yang lebih demokratik kerana melihat sekularisme yang sebenarnya menjamin kebebasan berekspresi dan mengamalkan agama. Bagi mencapai kebebasan yang dimaksudkan, Erdoğan dan AKP cuba menampilkan tafsiran baru mengenai sekularisme dengan menolak sekularisme yang bersifat totalitarian seperti yang diamalkan oleh elit sekular Kemalis selama ini (Yıldız 2010).

Pendefinisian semula sekularisme yang diolah dari perspektif kebebasan dan hak asasi menyebabkan Erdoğan menjadikan kemasukan Turki ke dalam EU sebagai agenda utama AKP. Berbeza dengan perspektif rejim Kemalis untuk menyertai EU sebagai sebahagian dari proses membaratkan Turki, Erdoğan pula menjadikan agenda tersebut sebagai proses untuk mewujudkan Turki yang lebih liberal

dan menjamin nilai demokrasi. Kriteria Copenhagen sebagai syarat yang ditetapkan bagi sesebuah negara untuk menyertai EU menjamin nilai-nilai kebebasan dan dijadikan asas kepada usaha reformasi politik Erdoğan. Dasar pragmatik yang diamalkan menjadikan AKP berusaha untuk memenuhi tuntutan popular rakyat yang menginginkan suasana politik yang lebih demokratik dan bebas di Turki. Di samping itu, keinginan menyertai EU juga merupakan pendekatan baru yang diambil oleh Erdoğan dan AKP bagi memperkukuhkan dialog di antara Turki dengan blok Barat (Duran 2010). Sikap tersebut menjadikan AKP berbeza dari parti-parti tradisi Milli Görüş yang secara umumnya mengamalkan dasar berseteru dengan Barat dan menolak penyertaan Turki ke dalam EU. Secara tidak langsung, pendekatan ini juga memperlihatkan penterjemahan AKP terhadap idea pengakhiran era pertembungan antara tamadun Islam dan Barat, di mana era globalisasi yang mengutamakan dialog antara tamadun mula mengambil tempat.

Erdoğan dan peneraju-peneraju AKP yang lain tidak menampilkan AKP sebagai sebuah parti yang berpaksi kepada sebarang ideologi khusus, akan tetapi sebagai sebuah parti yang bersifat praktik. Pengamalan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian lebih ditekankan berbanding retorik negara Islam yang bersifat ideologikal (Rabasa & Larrabee 2008). Berbanding memperjuangkan politik yang bersifat identiti, Erdoğan cuba menghadirkan AKP sebagai parti yang berkhidmat dan memenuhi permintaan masyarakat Turki melalui dasar pragmatik yang menjadi amalan parti tersebut. Hal ini selari dengan pendekatan “*Hizmet*” sebagai nilai yang bersebuti dengan masyarakat Islamis Turki.

Secara umumnya, dapat dirumuskan bahawa AKP merupakan entiti yang berada di atas jalur gerakan politik Islam berimejkan konservatif demokrat. Melalui platform AKP, Erdoğan cuba memperkasakan agenda pendemokrasian dan mewujudkan wacana politik baru di Turki dengan mengambil pendekatan mentafsirkan semula sekularisme dari perspektif kebebasan dan hak asasi, membuka pintu bagi mewujudkan dialog dengan Barat melalui EU, tidak berkonfrontasi dengan elit sekular Turki serta mendatangkan penyelesaian kepada permasalahan masyarakat berbanding terlibat dalam perdebatan ideologi. Di samping itu, nilai-nilai konservatif turut diberi perhatian dan diangkat melalui proses pendemokrasian. Dengan ini, penulis menisbahkan “konservatif-pendemokrasian” sebagai pendekatan utama AKP, iaitu penghibridan di antara aspek konservatif

dengan agenda pendemokrasian. Pendekatan konservatif-pendemokrasian AKP merupakan respon terhadap senario serta entiti-entiti yang mencorak politik di Turki.

USAHA ISLAMISASI ERA ERDOĞAN (2002-2010)

Usaha pendemokrasian memberi ruang kepada Erdoğan untuk menafsirkan sekularisme secara lebih harmoni dan menjamin kepentingan Islam. Melalui komitmen untuk menyertai EU, Erdoğan dan AKP memperjuangkan nilai konservatif seperti kebebasan rakyat Turki untuk mengamalkan agama dan pada masa yang sama, tidak berkonfrontasi dengan elit sekular Kemalis. Beliau menggunakan hujah bahawa sekularisme hanyalah merupakan prinsip politik dan tidak berkait dengan perwatakan serta gaya hidup individu. Maka, rakyat Turki mempunyai hak untuk mengamalkan pegangan hidup dan agama yang dianuti tanpa dikongkong oleh sesiapa (Ahmad Dzakirin 2012).

ISU LARANGAN PEMAKAIAN TUDUNG

Sejak tahun 1984, larangan pemakaian tudung telah dikuatkuasakan secara rasmi bermula di universiti-universiti seluruh Turki dan seterusnya turut melibatkan penjawat awam di atas alasan bercanggah dengan prinsip sekularisme. Isu pemakaian tudung merupakan isu yang sensitif dan kerap mengundang pertembungan antara pihak sekular dan kelompok Islam. Misalnya, Merve Safa Kavakçı; bekas ahli parlimen Turki atau *Türkiye Büyük Millet Meclisi* (TBMM) dari FP telah dinafikan hak dan kedudukannya sebagai ahli TBMM kerana beliau memakai tudung yang sekaligus didakwa mencabar prinsip sekularisme Turki. Isu tersebut telah mencetuskan perdebatan hangat antara kelompok Islam yang diwakili FP dengan pihak sekular yang akhirnya menjadi alasan bagi pengharaman FP (Mohammad Redzuan & Mashitah 2015).

Larangan pemakaian tudung bagi kaum wanita menerima perhatian khusus kerajaan Erdoğan. Kerajaan AKP di bawah pimpinan Erdoğan menentang larangan tersebut kerana beranggapan, pemakaian tudung tiada kaitan dengan sebarang agenda politik mahupun usaha mengembalikan shari‘at Islam di Turki. Selain itu, Erdoğan turut menggunakan argumentasi bahawa pemakaian tudung merupakan hak bagi kaum wanita yang tidak

boleh dinafikan (Köni & Açikgöz 2013). Namun, Erdoğan tidak mencabar larangan tersebut secara langsung sepanjang penggal pertama kerajaan AKP, melainkan kritikan terbuka yang dilakukan pada tahun 2005. Pada tahun tersebut, Erdoğan telah membuat kritikan secara langsung terhadap keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Hak Asasi Eropah berhubung tindakan yang dikenakan ke atas seorang pelajar wanita kerana memakai tudung (Duran 2010).

Usaha kerajaan AKP bagi memansuhkan larangan bertudung di peringkat universiti dilakukan secara lebih agresif pada Februari 2008 melalui usaha meminda dua artikel di dalam Perlembagaan Turki iaitu Artikel 10 dan Artikel 42 (*Özbudun 2012*). Artikel 10 merupakan penjaminan kesaksamaan undang-undang terhadap semua rakyat Turki tanpa diskriminasi, manakala Artikel 42 memperuntukkan hak semua rakyat Turki untuk akses kepada pendidikan. Strategi yang diambil oleh AKP ialah dengan menggunakan kaedah perundangan menerusi Perlembagaan Turki untuk memberi ruang kepada mahasiswi menikmati peluang pendidikan sepertimana pelajar-pelajar yang lain, walaupun mereka bertudung. Walaupun pindaan tersebut telah menerima persetujuan majoriti 411 daripada 550 ahli TBMM serta pengesahan oleh Presiden Abdullah Gül, namun wakil dari *Cumhuriyet Halk Partisi* (CHP) telah mengemukakan aduan kepada Mahkamah Perlembagaan supaya keputusan tersebut dibatalkan. Pada 5 Jun 2008, sembilan dari sebelas juri Mahkamah Perlembagaan memutuskan bahawa pindaan yang dikemukakan oleh AKP adalah terbatal kerana bertentangan dengan prinsip sekularisme seperti yang termaktub di dalam perlembagaan. Keputusan tersebut menyebabkan AKP terpaksa menarik semula cadangan pindaan yang dikemukakan.

AKP terpaksa menghadapi cabaran getir dalam usahanya memansuhkan larangan bertudung. Pada Mac 2008, Pendakwaraya Awam telah mengemukakan aduan ke Mahkamah Perlembagaan bagi mengaitkan AKP dengan kegiatan anti-sekular. Jika didapati bersalah, AKP bakal berhadapan dengan hukuman pembubaran parti sepertimana yang dialami oleh parti-parti Islam sebelumnya. Pendakwaan terhadap AKP dilakukan berikutan cubaan AKP untuk meminda Perlembagaan Turki bagi membenarkan pemakaian tudung. Dari kaca mata kelompok sekular, pemakaian tudung merupakan simbol islamisasi di Turki yang sekaligus bertentangan dengan aspirasi sekularisme negara (Cindoglu & Zencirci 2008). Walau bagaimanapun,

sokongan minimum tiga perlima panel hakim, atau bersamaan tujuh dari sebelas panel hakim yang membolehkan pembubaran sesebuah parti politik tidak dapat dicapai berikutan hanya enam orang hakim sahaja yang menyokong pembubaran tersebut. Mahkamah Perlembagaan akhirnya memutuskan pada 30 Julai 2008 bahawa AKP tidak akan dibubarkan, tetapi dikenakan tindakan pengurangan peruntukan parti (*Özbudun 2012*).

ASPEK PENDIDIKAN

Lantaran pendidikan merupakan medan yang penting dalam membentuk peribadi individu (Khairiah 2017), pendidikan telah dijadikan saluran pelaksanaan kepada proses pembentukan sosial sama ada di pihak sekular mahupun di pihak kelompok Islam. dalam hal ini, pendidikan turut menerima perhatian khusus Erdoğan dalam program reformasinya. Dalam aspek pendidikan, terdapat dua usaha utama yang dilakukan oleh kerajaan AKP bagi tempoh 2002-2010. Usaha pertama berkaitan dengan pemerkasaan Sekolah Imam-Hatip sebagai institusi pendidikan beraliran agama yang kompeten. Manakala usaha kedua pula merupakan inisiatif kerajaan untuk memperluaskan pembukaan kelas pengajian al-Qur'an.

Sistem kemasukan ke universiti di Turki menetapkan, lepasan sekolah menengah yang menduduki peperiksaan untuk kemasukan ke universiti lebih mudah untuk melanjutkan pengajian dalam bidang yang sama ketikadi peringkat menengah. Lulusan Sekolah Imam-Hatip yang ingin melanjutkan pengajian selain dalam bidang agama perlu memperoleh markah yang lebih tinggi di dalam ujian berbanding pelajar-pelajar lepasan sekolah biasa. Ini bermaksud, lepasan Imam-Hatip hanya berpotensi untuk dilorongkan ke fakulti teologi sahaja dan menghadapi kesukaran untuk meneruskan pengajian di bidang lain di peringkat tinggi (Rabasa & Larrabee 2008). Penetapan ini dilihat mendiskriminasi graduan Sekolah Imam-Hatip memandangkan mereka tidak hanya mempelajari subjek-subjek agama semasa di sekolah, akan tetapi turut didedahkan dengan subjek-subjek akademik seperti sekolah kebangsaan biasa (Aşlamacı & Kaymakcan 2016).

Bagi memastikan graduan Sekolah Imam-Hatip berupaya untuk melanjutkan pengajian dalam bidang selain agama, Erdoğan dan kerajaan AKP telah mengambil inisiatif dengan mengusulkan ke parlimen supaya sekolah tersebut diberi sedikit kelonggaran berhubung syarat kemasukan ke

universiti. Walaupun usul tersebut dipersetujui secara majoriti di peringkat parlimen, namun Presiden Turki ketika itu; Necdet Sezer menggunakan kuasa veto dengan membatalkan keputusan tersebut (Köni & Açıkgöz 2013). Usaha seterusnya dilakukan oleh Menteri Pendidikan, Hüseyin Çelik yang mengusulkan penetapan pada Disember 2005 di mana lepasan Sekolah Imam-Hatip perlu diberi peluang untuk memasuki fakulti selain fakulti teologi. Pelajar-pelajar tersebut perlu memasuki sekolah awam pada tahun akhir pengajian peringkat menengah terlebih dahulu dan mengambil beberapa kursus asas persediaan. Namun, Majlis Pendidikan Tinggi Turki (*Yükseköğretim Kurulu-YÖK*) menolak cadangan tersebut kerana didakwa bercanggah dengan semangat sekularisme (Rabasa & Larrabee 2008; Köni & Açıkgöz 2013).

Usaha kedua dalam aspek pendidikan merupakan inisiatif kerajaan AKP memperluaskan lagi pembukaan kursus pengajaran al-Qur'an. Bagi merealisasikan usaha tersebut, pada Disember 2003 kerajaan AKP telah mencadangkan supaya kursus pengajaran al-Qur'an dilaksanakan melalui beberapa kaedah. Cadangan tersebut menyarankan, antaranya, supaya kursus pengajaran al-Qur'an dibuka bagi sesi malam, pengurangan bilangan pelajar minimum bagi membuka sesebuah kursus al-Qur'an, pemansuhan had dua bulan untuk pembukaan sesebuah kursus serta keizinan untuk membuka asrama bagi kemudahan pelajar-pelajar (Köni & Açıkgöz 2013). Namun, inisiatif tersebut ditolak oleh Majlis Kerajaan. Manakala pada tahun 2005 pula, kerajaan AKP membawa usul di parlimen bagi meringankan hukuman kepada sesiapa yang membuka kursus al-Qur'an tanpa kebenaran. Usaha tersebut juga menemui jalan buntu kerana dibatalkan secara veto oleh Presiden Necdet Sezer walaupun telah diterima di peringkat TBMM.

ASPEK-ASPEK LAIN

Aspek pentadbiran, khususnya melibatkan Lembaga Pengarah Hal Ehwal Agama Turki (Diyanet İşleri Başkanlığı-Diyanet) turut menerima perubahan di bawah kepimpinan Erdoğan. Diyanet ialah sebuah badan yang ditubuhkan sejak era Atatürk bagi menguruskan perkara-perkara yang melibatkan soal keagamaan. Ia juga merupakan kesinambungan bagi lembaga-lembaga hal ehwal keagamaan seperti pejabat Şeyh-u Islam serta Kementerian Hal Ehwal Agama yang wujud semasa era Uthmaniyyah. Walaupun Atatürk cuba memisahkan agama dari ruang awam, namun penubuhan Diyanet

memperlihatkan sikap kontradik beliau dalam menyikapi kedudukan agama di dalam negara. Secara tidak langsung, hal ini turut menggambarkan bahawa Atatürk dan pendokong Kemalisme menyedari peranan agama tidak boleh dinafikan dalam mencorak identiti serta budaya masyarakat Turki sejak sekian lama.

Sebelum pemerintahan AKP, sekitar 17,000 buah masjid di bawah kendalian kerajaan pusat mengalami masalah kekurangan imam. Bagi mengatasi masalah ini, Erdoğan cuba melakukan pembaharuan terhadap Diyanet semasa pemerintahannya dengan berusaha memisahkan lembaga tersebut dari pengawasan pejabat Perdana Menteri dan menjadikannya sebuah lembaga yang bebas dan mandiri. Usaha ini memberi kebebasan kepada Diyanet bukan sahaja untuk melantik imam-imam di masjid, malah memberi peluang kepada lembaga tersebut bagi melaksanakan program-program yang difikirkan perlu. Manakala bermula tahun 2006, bajet yang diperuntukkan kepada Diyanet telah dinaikkan sebanyak empat kali ganda dari peruntukan asalnya, iaitu sebanyak 5.4 juta Lira Turki. Bilangan pekerja Diyanet juga telah digandakan dari 75,000 orang kepada 150,000 orang (Lepeska 2017). Inisiatif-inisiatif ini menjelaskan komitmen kerajaan AKP dalam memperkukuhkan kedudukan Diyanet sebagai sebuah lembaga hal ehwal agama di Turki.

Semasa era kepimpinan Erdoğan juga, kerajaan Turki telah mengambil beberapa tindakan bagi mengawal penjualan arak. Restoran dan kafe yang diselia di bawah majlis perbandaran tidak dibenarkan menjual minuman beralkohol. Tindakan akan dikenakan kepada mana-mana premis berkenaan yang melanggar ketetapan tersebut, termasuklah penarikan semula kontrak sewaan (Gumuscu & Sert 2010). Kuasa yang diperolehi kerajaan AKP menjadikannya sebagai pihak yang berautoriti dalam menentukan premis yang berhak memohon lesen penjualan arak dan kawasan yang dibenarkan untuk meminum arak.

Dalam usaha membendung perluasan penjualan arak di Turki, tindakan Erdoğan dan kerajaan AKP telah menerima kritikan khususnya dari kelompok sekular. Mereka mendakwa, usaha tersebut merupakan cubaan AKP bagi memperkasakan tuntutan shari'at Islam yang melarang pengambilan dan penjualan arak, sekaligus bertentangan dengan dasar sekularisme Turki (Yıldız 2010). Namun, kerajaan AKP menggunakan hujah bahawa kawalan tersebut tiada kaitan dengan pelaksanaan shari'at Islam kerana ia dilakukan untuk memelihara kesihatan rakyat serta membendung penularan

gejala sosial yang berkemungkinan berlaku kesan dari pengambilan minuman beralkohol secara meluas. Erdoğan juga menegaskan bahawa usaha pengawalan penjualan arak turut dilaksanakan di negara Barat, misalnya Amerika Syarikat berdasarkan alasan yang sama (Köni & Açıkgöz 2013).

CABARAN TERHADAP USAHA ISLAMISASI DI TURKI

TENTERA SEBAGAI PEMELIHARA SEKULARISME WARISAN ATATURK

Di Turki, tentera tidak hanya berperanan dalam memastikan keselamatan negara terus terjamin, tetapi juga berperanan sebagai pemelihara gagasan sekularisme yang digariskan oleh Ataturk. Beliau meletakkan institusi tentera sebagai teras bagi menyebarkan idea reformasi sosial khususnya secara fizikal. Bagi memenuhi peranan tersebut, Undang-undang Penyelenggaraan Pertahanan Awam membolehkan kerajaan mengerahkan tentera untuk menyekat sebarang organisasi yang difikirkan boleh menggugat keselamatan negara. Melalui tribunal bebas yang dibentuk daripada undang-undang ini, keputusan muktamad boleh dikeluarkan melalui mahkamah yang diwujudkan tanpa persetujuan TBMM berasaskan justifikasi memelihara negara dari sebarang anasir yang berpotensi menggugat keamanan negara.

Keberadaan tentera hampir tidak tergugat berikutan kuasa yang diberikan melalui Artikel 35 Kanun Perkhidmatan Luar Tentera Turki yang menyatakan bahawa “tugas pasukan tentera ialah mempertahankan dan memelihara wilayah Turki dan Republik Turki sebagaimana termaktub di dalam perlembagaan”. Melalui peruntukan tersebut, tentera berhak untuk mengambil sebarang tindakan yang difikirkan perlu jika mendapati kebajikan negara diabaikan oleh pemerintah atau kedudukan sekular terancam (Mohammad Redzuan & Mashitah 2015).

Walaupun sejak era Ataturk tentera dilarang terlibat secara aktif dalam politik, namun tentera tetap memainkan peranan yang besar dalam mencorak lanskap politik Turki. Harris (1985) menyebut, figura-figura yang banyak mengisi kekosongan jawatan politik selepas penubuhan republik adalah terdiri dari bekas pegawai-pegawai tentera. Mereka diberi tempat untuk mengisi posisi-posisi strategik dalam kerajaan khususnya semasa pemerintahan CHP (1923-1949). Peranan

tentera yang ditugaskan sebagai pemelihara idea Kemalisme di samping CHP yang sinonim dengan aspirasi Ataturk menyebabkan tentera mempunyai hubungan yang lebih rapat dengan CHP secara relatifnya berbanding parti-parti yang lain. Disebabkan itulah, jika dilihat perkembangan politik Turki moden, konflik dan ketegangan hubungan antara tentera dengan pemerintah hanya berlaku bilamana kerajaan Turki dipimpin oleh parti-parti selain CHP.

Di samping mempunyai kebebasan dalam melakukan sebarang tindakan yang difikirkan perlu di atas alasan “memelihara keamanan negara”, tentera turut dilihat sebagai tonggak utama di sebalik perjalanan politik Turki. Tentera cukup licik dalam memposisikan dirinya di dalam spektrum politik Turki sehingga institusi tersebut berupaya menikmati pelbagai keistimewaan (Burak 2011). Jika pihak tentera mendapati kepentingan mereka dihakis hatta oleh rejim pemerintah sekalipun, mereka berkuasa untuk melakukan tindakan drastik, termasuklah dengan melakukan campurtangan secara langsung dalam pentadbiran awam. Keberadaan tentera yang dilihat sebagai pemelihara kestabilan negara dan nilai sekularisme menyebabkan rakyat Turki memberi kepercayaan kepada tentera dalam menangani sebarang ancaman luar mahupun dalam (Burak 2011; Mohammad Redzuan & Mashitah 2015). Peruntukan di dalam perundangan serta kepercayaan masyarakat memberikanelegitimasi kepada tentera untuk melakukan sebarang tindakan bagi mencapai matlamat tersebut, termasuklah tindakan-tindakan yang tidak demokratik.

CAMPURTANGAN TENTERA PADA ERA ERDOĞAN

Walaupun usaha pendemokrasian giat dijalankan pada era Erdoğan seiring dengan proses penyertaan Turki ke dalam EU, ia tidak menghalang angkatan tentera dari terus mencampuri urusan politik Turki. Kemaraan AKP dalam pilihanraya umum tahun 2002 dan diikuti pilihanraya tempatan tahun 2004 telah menggusarkan pihak sekular. Pada Disember 2006, sebahagian pesara tentera telah menulis surat kepada Ketua Staf Angkatan Tentera Turki supaya tentera melakukan campurtangan dalam pilihanraya presiden yang bakal diadakan pada tahun berikutnya. Tentera melihat, kemaraan AKP memungkinkan parti tersebut untuk menampilkan calon bagi jawatan Presiden Turki. Sekiranya calon yang dikemukakan ialah dari kelompok Islam, hal ini bakal merugikan tentera dan kem sekular kerana selama ini, presiden merupakan simbol sekular

di Turki yang perlu dipelihara serta mempunyai kuasa dalam eksekutif, legislatif, kehakiman dan ketenteraan.

Bagi mengekang kemaraan AKP, tentera telah memuatnaik *e-memorandum* di laman sesawang rasmi mereka pada 27 April 2007. Langkah tersebut merupakan amaran kepada AKP dan kelompok Islam yang lain supaya tidak mencabar nilai sekular dan prinsip Kemalisme. *E-memorandum* berkenaan memuatkan argumentasi bahawa hanya pendokong idea Kemalisme sahaja yang berhak menduduki kerusi Presiden Turki (Mohammad Redzuan & Mashitah 2015). Sebagai langkah bagi meredakan ketegangan yang dicetuskan oleh pihak tentera, AKP tidak mencalonkan Erdoğan sebagai calon presiden, akan tetapi mencalonkan Abdullah Gül yang ketika itu merupakan Menteri Luar Turki. Namun, tindakan tersebut tetap tidak berjaya meyakinkan pihak tentera memandangkan sejarah beliau yang pernah terlibat secara aktif dengan beberapa parti Islam sebelumnya di samping isterinya; Hayrunnisa yang memakai tudung. Walaupun pemilihan presiden pada tahun tersebut telah melalui fasa-fasa yang sukar, namun Abdullah Gül akhirnya berjaya dinobatkan sebagai Presiden Turki yang ke-11.

Komplot Ergenekon merupakan satu lagi peristiwa penting yang melibatkan usaha tentera bagi melakukan campurtangan politik semasa pentadbiran AKP. Ergenekon merupakan satu komplot terancang bagi mensabotaj kepimpinan Erdoğan dan AKP dengan mencetuskan huru-hara di seluruh negara untuk membolehkan pihak tentera melakukan campurtangan secara langsung dalam urusan pentadbiran. Komplot tersebut melibatkan anggota tentera, pesara tentera, ahli akademik, wartawan, badan perisikan, ahli birokrat, ahli parlimen, badan kehakiman serta pertubuhan sivil (Kaya 2009). Jaringan Ergenekon sukar untuk dijejaki memandangkan ia terdiri dari pelbagai bahagian yang terpisah dan bergerak secara rahsia di bawah beberapa pengarah (Syarif Taghian 2013). Selain itu, sebahagian penggerak Ergenekon turut menyusup ke dalam pelbagai lembaga dan badan-badan rasmi kerajaan bagi mengaburi mata pemerintah AKP dan pihak keselamatan.

Namun, komplot Ergenekon berjaya dihidu oleh pihak keselamatan selepas pendedahan yang dilakukan oleh Nokta, iaitu sebuah majalah bebas di Turki pada Mac 2007. Menurut pendedahan yang dilakukan oleh majalah tersebut, tentera telah merancang untuk melakukan rampasan kuasa sebanyak dua kali sejak tahun 2004 (Mohammad Redzuan & Mashitah 2015). Siasatan secara

terperinci telah dilakukan untuk menjejaki dalang-dalang di sebalik komplot Ergenekon dan mendapati, beberapa siri kes pengeboman di beberapa lokasi di Turki mempunyai kaitan rapat dengan jaringan tersebut. Di samping itu, 12 rancangan untuk membunuh Perdana Menteri Erdoğan serta beberapa perancangan bagi mencetuskan provokasi di seluruh Turki turut berjaya dibongkar (Syarif Taghian 2013). Proses penangkapan dan perbicaraan terhadap individu-individu yang disyaki menjadi suspek dan terlibat dalam Ergenekon telah dilakukan secara agresif dalam tempoh 2007-2008 dan melibatkan pendakwaan sejumlah pegawai tinggi tentera, ahli akademik, ahli politik, wartawan, ahli perniagaan dan peguam.

Bagi menangani cabaran dari pihak tentera dan sekaligus mereformasikan sistem politik di Turki, Erdoğan dan AKP memilih pendekatan pendemokrasian sistem perundangan negara dengan mengusulkan supaya Perlembagaan Turki dipinda. Özbudun (2012) menyebut, Perlembagaan Turki yang terkini merupakan perlembagaan yang digubal oleh tentera selepas rampasan kuasa pada tahun 1980, mempunyai ciri-ciri autoritarian penggubalnya dan menjadi punca kepada pelbagai krisis perlembagaan. Pada Mac 2010, AKP telah mengusulkan pakej pindaan perlembagaan di parlimen yang melibatkan perubahan terhadap 26 artikel. Walaupun bilangan ahli TBMM yang memihak kepada usul tersebut adalah sebanyak 333 dan tidak mencapai bilangan 367 (iaitu bilangan minimum dua pertiga ahli TBMM bagi membolehkan pindaan dibuat secara terus), namun bilangan tersebut adalah memadai bagi referendum dilaksanakan di peringkat rakyat. Keputusan referendum memihak kepada AKP dengan undian sokongan sebanyak 57.88 peratus dan membolehkan pindaan tersebut dilakukan. Selain menghadkan bidang kuasa tentera, pindaan perlembagaan tahun 2010 turut memperkasakan hak asasi rakyat, memperkukuhkan kedudukan ahli-ahli legislatif serta menyusun atur semula struktur badan kehakiman.

PENUTUP

Program sekularisasi Atatürk telah mencetuskan reaksi sebahagian masyarakat yang menentang gagasan tersebut. Walau bagaimanapun, cabaran yang getir terpaksa dihadapi oleh kumpulan Islam yang berjuang bagi mengembalikan kedudukan Islam ke tempat yang selayaknya di bumi Turki. Misalnya, gerakan politik *Milli Görüş* Erbakan telah dimatikan oleh rejim sekular Turki kerana didakwa

mengancam nilai Kemalisme. Kesenambungan perjuangan tersebut diteruskan oleh Erdoğan melalui AKP dengan mengambil pendekatan berasaskan konservatif-pendemokrasian.

Bagi tempoh 2002 sehingga 2010, pelaksanaan usaha islamisasi Turki berjalan secara kurang rancak. Ini kerana dalam melaksanakan program pembangunan Islam, Erdoğan terpaksa mengamalkan sikap berkompromi dengan dasar sekularisme negara bagi memastikan keberlangsungan AKP untuk jangka masa panjang serta mengelakkan konfrontasi secara langsung dengan pihak tentera. Walau bagaimanapun, senario ini tidak menghalang Erdoğan dan AKP untuk melakukan usaha islamisasi seperti berusaha memansuhkan larangan bertudung, memperkasakan Sekolah Imam-Hatip dan kelas pengajian al-Qur'an, meningkatkan kualiti Diyanet serta membendung penjualan arak secara berleluasa. Bagi menangani cabaran dari pihak tentera dan sekaligus mereformasikan sistem politik di Turki, Erdoğan dan AKP memilih pendekatan pendemokrasian melalui pindaan terhadap Perlembagaan Turki. Pada pendapat penulis, langkah tersebut adalah bersesuaian dan bertepatan dalam usaha Erdoğan bagi menghadkan kuasa tentera di samping mereformasi sistem politik dan perundangan negara khususnya bagi memenuhi Kriteria Copanhangen seperti yang digariskan oleh EU.

Berdasarkan sejarah latar belakang serta komitmennya terhadap agenda islamisasi, AKP boleh dikategorikan sebagai entiti yang berada di atas jalur gerakan politik Islam walaupun terdapat perbezaan mengenai ruang wacananya berbanding gerakan-gerakan politik Islam yang lain. Secara tidak langsung, kajian ini turut mengukuhkan pendapat Mohammed Ayoob (2008) menerusi kajiannya yang menghujahkan bahawa gerakan-gerakan politik Islam di seluruh dunia mempunyai identitinya yang tersendiri. Ini bermaksud, strategi dan pendekatan konservatif-pendemokrasian AKP hanyalah sesuai untuk negara Turki selaku medan operasinya. Dalam konteks Malaysia misalnya, peniruan secara pukal terhadap pendekatan AKP oleh mana-mana gerakan atau parti politik Islam adalah tidak bersesuaian kerana konteks kedua-dua buah negara yang berbeza dalam banyak aspek, sungguhpun tidak dinafikan terdapat sebahagian perkara yang wajar untuk dicontohi. Gerakan-gerakan politik Islam perlulah memahami sebaiknya sejarah, budaya dan realiti sosial di negara mereka beroperasi supaya strategi dan pendekatan yang terbaik dan bersesuaian dapat diambil.

RUJUKAN

- Ahmad Dzakirin. 2012. *Kebangkitan Gerakan Islam Analisis Strategi dan Polisi AKP Turki Memenangi Pilihanraya Umum*. Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise.
- Aşlamacı, I. & Kaymakcan, R. 2016. A model for Islamic education from Turkey: The Imam-Hatip schools. *British Journal of Religious Education* 39(3): 1-14.
- Burak, B. 2011. The Role of the Military in Turkish Politics: To Guard Whom and From What? *European Journal of Economic and Political Studies* 4(1): 143-169.
- Çelebi, B. 2011. The Failure of Assertive Secularization Project in Turkey. *Turkish Journal Politics* 2(1): 89-98.
- Cindoglu, D. & Zencirci, G. 2008. The headscarf in Turkey in the public and state spheres. *Middle Eastern Studies* 44(5): 791-806.
- Delibas, K. 2009. Concetualizing Islamic Movements: The Case of Turkey. *International Political Science Review* 30(1): 89-105.
- Denoeux, G. 2002. The Forgotten Swamp: Navigating Political Islam. *Middle East Policy* 9(2): 56-81.
- Duran, B. 2010. The Justice and Development Party's 'new politics' Steering toward conservative democracy, a revised Islamic agenda or management of new crises? Dalam *Secular and Islamic Politics in Turkey: The Making of the Justice and Development Party*, edited by Ümit Cizre, 80-106. Oxon: Routledge.
- Esposito, J. L. 1999. *The Islamic Threat Myth of Reality?* Edisi ke-3. New York: Oxford University Press.
- Fuller, G. E. 2003. *The Future of Political Islam*. New York: Palgrave Macmillan.
- Gumuscu, S. & Sert, D. 2010. The March 2009 Local Elections and the Inconsistent Democratic Transformation of the AKP Party in Turkey. *Middle East Critique* 19(1): 55-70.
- Harris, G. S. 1985. *Turkey Coping with Crisis*. Colorado: Westview Press.
- Huntington, S. P. 1993. The clash of civilization? *Foreign Affairs* 72(3): 22-49.
- Kaya, S. 2009. The rise and decline of the Turkish "deep state": The Ergenekon case. *Insight Turkey* 11(4): 99-113.
- Khairiah Mohd Yassin. 2017. Faham Beruk Menurut Malik Bennabi dan Perkaitannya dengan Falsafah Pendidikan Negara. *Akademika* 87(3): 77-89.
- Köni, H. & Açıkgöz, M. 2013. Politics of Religion in Turkey from National View to the Justice and Development Party. *International Journal of Research in Social Sciences* 3(2): 48-56.
- Lepeska, D. 2017. Turkey Casts the Diyanet. *Foreign Affairs*. <https://www.foreignaffairs.com/articles/turkey/2015-05-17/turkey-casts-diyamet>. Diakses pada: 29 November 2017.

- Lewis, B. 1990. The roots of Muslim rage. *The Atlantic Monthly* 266(3): 47-60.
- Maszlee Malik. 2016. Pasca-Islamisme atau Wacana Baru Gerakan Islam? Dalam *Generasi Kedua Politik Islam Wacana Baru Gerakan Islam Jilid 1*, Maszlee Malik & Zulkifli Hasan (ed.), 3-13. Selangor: Ilham Books.
- Mohammad Redzuan Othman & Mashitah Sulaiman. 2015. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohammed Ayoob. 2008. *The Many Faces of Political Islam Religion and Politics in the Muslim World*. Singapore: NUS Press.
- Mortensen, A. 2016. The importance of politics. *Centre Daily Times*. <https://www.centredaily.com/opinion/article69564172.html>. Diakses pada: 20 November 2017.
- Muhamd Razak Idris. 2016. *Politikal Islam dan Persimpangan Masa Depan*. Selangor: Ilham Books.
- Muhammad Khalis Ibrahim & Mohd Roslan Mohd Nor. 2017. *Sekularisasi dalam Perundangan Turki dan Kesannya Terhadap Masyarakat*. Dibentang dalam *Persidangan Antarabangsa Agama dan Masyarakat II*, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 22 Ogos, Sabah.
- Özbudun, E. 2012. Turkey's Search for a New Constitution. *Insight Turkey* 147(1): 39-50.
- Rabasa, A. & Larrabee, F. S. 2008. *The Rise of Political Islam in Turkey*. California: RAND Corporation.
- Sambur, B. 2009. The Great Transformation of Political Islam in Turkey: The Case of Justice and Development Party and Erdogan. *European Journal of Economic and Political Studies* 2(2): 117-127.
- Shukrallah, H. 1994. The impact of the Islamic movement in Egypt. *Feminist Review* 47: 15-32.
- Syarif Taghian. 2013. *Recep Tayyip Erdogan Pembela Rakyat, Membangun Pemerintahan Bersih, Meruntuhkan Sekularisme Turki*. Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise.
- Yavuz, H. 2003. *Islamic Political Identity in Turkey*. New York: Oxford University Press.
- Yıldız, A. 2010. Problematizing the intellectual and political vestiges: From 'welfare' to 'justice and development'. Dalam *Secular and Islamic Politics in Turkey: The Making of the Justice and Development Party*, ed. Ümit Cizre, 41-61. Oxon: Routledge.

Muhammad Khalis Ibrahim
 Department of Islamic History and Civilization
 Academy of Islamic Studies University of Malaya
 Malaysia
 Email: khalismuhammad92@yahoo.com

Mohd Roslan Mohd Nor
 Department of Islamic History and Civilization
 (corresponding author)
 Academy of Islamic Studies University of Malaya
 Malaysia
 Email: m_roslan@um.edu.my

Received : 20 Disember 2017
 Accepted : 14 Februari 2019

